

🏠 (<https://selangorkini.my/>) > PELANCONGAN (<https://selangorkini.my/category/pelancongan/>)
> Jambatan Kota pusat tarikan pelancong kesenian



(<https://selangorkini.my/wp-content/uploads/2017/01/Street-Art.jpg>)



Jambatan Kota pusat tarikan pelancong kesenian

PELANCONGAN (<https://selangorkini.my/category/pelancongan/>) SELANGOR (<https://selangorkini.my/>)
📅 January 3, 2017 3:33 pm (<https://selangorkini.my/2017/01/>) 👁 257

OLEH SYAZWANI SUFIAN

SHAH ALAM, 3 JAN: Dalam usaha memulihkan persekitaran Sungai Klang, Majlis Perbandaran Klang (MPK) dengan kerjasama Kelab Warisan Sungai Klang mengadakan program 'Revive Klang River' dengan menyetengahkan seni jalanan untuk tarikan pelancong.

Yang Dipertua MPK, Dato' Mohamad Yasid Bidin berkata, MPK menerima tajaan sebanyak RM100,000 daripada 99 Speedmart bagi MPK bersama Kelab Warisan Sungai Klang dan Street Art menceriakan lagi bandaraya Klang dengan pelbagai aktiviti sepanjang 2017.



Start Trading

Losses can exceed your deposited funds.

“99Speedmart meluluskan tajaan RM500,000 dan baru-baru ini kita telah menerima wang tunai RM100,000 untuk MPK memulakan program pembangunan.

“Sebanyak RM30,000 diperuntukkan bagi memulih Jambatan kota dengan mengetengahkan ukiran lukisan graviti pada dinding di bawah jambatan dengan

menggambarkan bangunan lama serta sejarah bandar Klang daripada awal pertubuhannya,” katanya ketika Program ‘Revive Klang River’, baru-baru ini.



Seramai 200 pelukis bebas serta pelajar kesenian daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) hadir menyertai pertandingan melukis pada hari tersebut.

Yasid berkata sepanjang jambatan kota itu juga turut diadakan pameran lukisan daripada pelajar UiTM dan pelukis profesional yang dibawa pertubuhan Street Art untuk menghidupkan suasana kawasan itu.

=EZY=

Kongsikan ini :

